

lat kepada anak-anak Melayu, pemerintah haruslah mengambil sikap yang lebih bermakna dan bertindak segera sebagaimana dipelopori oleh Indonesia. 21 AUG 1985

Di Indonesia, menurut wakil IPSI, H.M. Johny, pencak silat dijadikan mata pelajaran pendidikan jasmani yang wajib di semua peringkat sekolah rendah. Di peringkat universiti pula, ia adalah satu kegiatan kokurikulum. Pada pertengahan bulan ini, pencak silat dijadikan satu acara pertandingan nasional yang dianjurkan oleh Pusat Olahraga Negara (iaitu satu badan yang setaraf dengan Majlis Sukan Negara di Malaysia). B. Harlan (M)

Sudah sampai masanya kerajaan Malaysia bertindak ber-sungguh-sungguh bersabit seni silat Melayu kerana peminat dan pencintanya mengambil daya usaha dan kata sepakat menubuhkan Persekutuan Silat Kebangsaan (Pesaka) demi menjaga martabat dan maruah budaya bangsa dalam abad ke-21 nanti.

Andainya, Pesaka roboh setelah mengambil masa lebih satu dekad untuk membinanya, maka dikhuatiri Seni Silat Melayu di Malaysia juga akan turut terkubur dan seterusnya benar-benar menjadi pesaka sejarah bangsa, seperti Kota Melaka, untuk dikenangi dan dikunjungi oleh generasi anak Melayu pada tahun 2000 nanti.

# J-kuasa disiplin akan bincang tindakan atas Gayong Pasak

PENCAK / SILAT  
PERSEKUTUAN Silat Singapura (Persisi)

akan mengadakan mesyuarat jawatankuasa disiplinnya secepat mungkin untuk membincangkan tindakan terhadap langkah kumpulan silat Gayong Pasak memulaukan upacara akhir Pesta Silat minggu lalu.

Setiausaha Agung Persisi, Encik Johari Uriff, berkata bahawa peraturan pertandingan membenarkan setiap pasukan untuk membantah secara bertulis sebarang keputusan yang tidak disenangi mereka.

Pasak, katanya, patut membuat bantahan itu kepada Ketua Pertandingan dalam masa 15 minit selepas keputusan diumumkan.

## Lawan

Tindakan yang boleh diambil terhadap Pasak ialah:

Pertama, taraf kerabat Pasak boleh digugurkan,

Kedua, Pasak digantung keanggotaannya dalam Persisi, dan

Ketiga, ia boleh digantung dari mengambil bahagian dalam sebarang kegiatan anjuran Persisi bagi satu tempoh yang ditetapkan.

Jawatankuasa Disiplin akan menyerahkan keputusan mereka kepada

Jawatankuasa Tertinggi Persisi untuk pengesahan dan Pasak boleh merayu terhadap keputusan tersebut.

Sementara itu, Setiausaha Alhak, Encik Johari Mokti, menafikan bahawa pesilatnya, Azrin Abdul Rahim, telah melanggar adab kesukuan dalam perlawanannya menentang Mohamed Suhairi Saipuan dari Pasak.

Katanya, dakwaan bahawa Azrin melakukan dua serangan ke muka lawan dalam pusingan pertama tidaklah tepat. Sebaliknya, dia dipotong markah kerana satu serangan yang sah.

## Wajar

"Pesilat kami melepaskan tendangan yang sah ke arah dada lawan, tetapi lawannya telah memegang mukanya dan wasit yang terlindung telah memberi amaran kepada pesilat kami," kata Encik Johari.

Menyentuh tentang satu lagi insiden, beliau menjelaskan, "Pesilat Suhairi dalam keadaan rebah di lantai telah membuat serangan sapuan ke arah Azrin dan ini dapat dielak."

"Dalam pada Azrin melangkah badan lawan, lawannya telah bangun lalu mukanya terkena lutut Azrin hingga tercedera."

Encik Johari berpendapat bahawa keputusan wasit tidak memberi potongan markah mengenai insiden itu sebagai wajar.

'Jangan salahkan jabatan agama'

22 AUG 1985  
KOTA TINGGI, Rabu — Kadi daerah, Haji Asari Tiba kesal atas kenyataan seorang pemimpin Umno Fel-da Air Tawar Satu yang menyalahkan jabatan agama kerana tidak mengadakan ceramah di situ.

Kenyataan itu dibuat berikutan munculnya kegiatan-kegiatan yang dikatakan bertentangan dengan agama Islam seperti ilmu kebal dan tarekat yang menyebabkan kematian di tempat pemimpin berkenaan.

Haji Asari menafikan dakwaan yang mengatakan jabatan agama tidak mengadakan ceramah kerana ceramah dan kursus sivik diadakan di rancangan Fel-da itu. B. Harlan (M)

Menurutnya, pejabat agama dan pejabat penerangan daerah telah mengadakan kursus sivik di situ tetapi tidak ramai golongan muda hadir, cuma golongan orang tua sahaja. RAC 40

Sepatutnya, pemimpin itu tidak cepat melatah dan terus menyalahkan pejabat agama semata-mata tetapi ibu bapa mereka yang terabit patut disalahkan. B. Harlan (M)

Haji Asari berkata ibu bapa sepatutnya mengawasi dan menghalang anak-anak mereka daripada menyertai kegiatan yang dilarang oleh agama Islam."

Sekiranya ada kegiatan yang dicurigakan, ibu bapa atau pemimpin masyarakat perlu menghubungi pihaknya dan bukan berdiam diri sahaja, katanya. RAC 40

"Ajaran sesat yang berlaku di situ seperti ilmu kebal dan tarekat telah lama diketahui oleh penduduk di situ terutama ibu bapa tetapi mengapa dibiarkan begitu sahaja?" tanyanya.